

APLIKASI DAN KEBERKESANAN LAMAN WEB NUQAYAH DALAM PENGAJARAN KAJIAN TAFSIR DI FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH, USIM

THE APPLICATION AND EFFECTIVENESS OF THE NUQAYAH WEBSITE IN TEACHING TAFSIR STUDIES AT THE FACULTY OF QURAN AND SUNNAH STUDIES, USIM

Muhammad Hadi Najmi Nor Johan¹
Muhammad Asyraf Utami Syahrial²
Muhammad Shollehin Mamat Pekri³
Syed Najihuddin Syed Hassan (Corresponding Author)⁴

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: hnajmi62@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: asyrafutami224@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: shollehin@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-5-2024
Revised date : 8-5-2024
Accepted date : 11-7-2024
Published date : 15-7-2024

To cite this document:

Nor Johan, M. H. N., Syahrial, M. A. U., Mamat Pekri, M. S., & Syed Hassan, S. N. (2024). Laman web Nuqayah: Aplikasi dan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 7 (12), 130 - 141.

Abstrak: Perkembangan ilmu tafsir dalam era modenisasi kian berkembang malah dilihat masyarakat kini bukan sahaja menuntut ilmu dalam keadaan berlutut lagi bahkan hanya melalui peranti sahaja. Antara metodologi baru dalam pengajaran dan pembelajaran tafsir kini adalah berasaskan laman web. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti keberkesanan nuqayah.com pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar. Tambahan pula, kajian ini juga meliputi penggunaan mesra pengguna, menyemak kelebihan dan kelemahan laman web tersebut sebagai mekanisme dalam pendidikan. Metode kajian yang digunakan ialah kaedah berbentuk kuantitatif. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama yang diedarkan kepada 40 orang pelajar tahun 4 dari Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, USIM pada tahun 2023. Disamping itu, dapatan analisis menunjukkan kefahaman responden dalam memahami tafsiran al-Quran dengan jelas serta keberkesanan proses pembelajaran mereka. Kesimpulannya, implikasi daripada perkembangan teknologi digital kini telah memenuhi keperluan masyarakat dalam pengajian tafsir pada saat ini.

Kata Kunci: Ilmu Tafsir; Nuqayah.com; Pembelajaran; Pengajaran

Abstract: *The development of Tafsir studies in the era of modernization continues to evolve, with society today not only demanding knowledge in traditional settings but also increasingly through digital devices. One of the new methodologies in teaching and learning Tafsir is based on websites. Therefore, this study aims to assess the effectiveness of nuqayah.com in teaching Tafsir studies among students. Additionally, the study examines user-friendliness, evaluating the strengths and weaknesses of the website as an educational tool. The research methodology employed is quantitative in nature. This study utilized a questionnaire distributed to 40 fourth-year students from the Faculty of Quran and Sunnah Studies, USIM, in 2023 as the primary instrument. The analysis revealed respondents' understanding of Quranic interpretations and the effectiveness of their learning process. In conclusion, the implications of digital technology developments have successfully met the educational needs of society in Tafsir studies today.*

Keywords: *Tafsir Studies; Nuqayah.com; Learning; Teaching*

Pengenalan

Pembelajaran dengan teknologi adalah keperluan utama dalam pendidikan masa kini. Teknologi memberikan akses mudah dan fleksibiliti waktu kepada pelajar. Penggunaan multimedia dan platform interaktif meningkatkan pengalaman pembelajaran. Menurut Firdaus (2003) personalisasi pembelajaran dan pemantauan prestasi individu diperoleh melalui sistem digital. Pembelajaran sepanjang hayat diperkembangkan dengan kursus dalam talian dan sumber berterusan. Kolaborasi dalam talian memupuk kerjasama global, sementara pemantauan dan penilaian yang berkesan diperoleh melalui teknologi. Menurut Abdullah (2019) kemahiran digital diperoleh, menyokong persediaan untuk perubahan pekerjaan di era digital. Kesamarataan akses ke pendidikan diperluaskan melalui teknologi. Keseluruhannya, integrasi teknologi dalam pendidikan membentuk sistem yang dinamik, responsif, dan relevan dengan keperluan masa kini.

Keseluruhannya, laman web Nuqayah dan aplikasinya membawa pelbagai faedah kepada pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir di kalangan pensyarah dan pelajar Fakulti Quran dan Sunnah. Dengan mengekalkan fokus pada fleksibiliti, interaktiviti, kualiti pengajaran, penilaian, perkongsian sumber, dan sokongan terhadap pembelajaran sepanjang hayat, Nuqayah menjadi aset yang berharga dalam meningkatkan kualiti pendidikan Islam di peringkat universiti.

Kajian Literatur

Terdapat tiga subtopik yang akan dibincangkan dalam kajian literatur ini iaitu Perkembangan Pembelajaran Tafsir, Kepentingan ICT Dalam Pembelajaran Agama dan Kesan Penggunaan Tafsir Digital Dalam Sesi Pembelajaran.

Perkembangan Pembelajaran Tafsir

Kewujudan pelbagai kitab tafsir yang terus muncul menunjukkan bahawa tafsir al-Quran terus berkembang. Setiap tafsiran mempunyai perbezaan terutamanya antara buku ulasan klasik dan kontemporari yang boleh dilihat dari sumber, metodologi, gaya dan media yang digunakan. Seiring dengan perkembangan media, internet sebagai media baru telah membawa perubahan yang ketara dalam pengajian Islam termasuklah Tafsir al-Quran. Internet menyediakan akses dan penyimpanan maklumat yang mudah, berbeza dengan buku tafsir bercetak yang sukar diakses dan memerlukan ruang penyimpanan yang besar. Dalam era digital, tafsir al-Quran muncul dalam pelbagai bentuk dan model yang boleh dijejaki secara digital, termasuk dalam

format PDF, e-book, dan laman web yang menyediakan akses kepada al-Quran dan tafsirannya. (Khairati, 2022).

Menurut Farhanah (2022) menyatakan bahawa perisian dan aplikasi al-Quran digital umumnya disediakan secara percuma dan memiliki pelbagai ciri kemudahan, antaranya pencarian kata dan derivasinya, pencarian ayat dan surah, terjemahan dalam berbagai bahasa, asbabun nuzul, dan syarah dari ulama mufassir. Perisian ini dianggap mudah digunakan, mudah diedit (menukar bentuk fon, saiz fon dan gaya fon), dan menyokong fungsi menyalin dan menampal (*copy paste*). Proses perubahan daripada bentuk bercetak kepada bentuk digital khususnya berkaitan al-Quran dianggap menarik untuk difahami dan diteliti.

Kesan perkembangan media sosial pada hari ini mempunyai pengaruh sampingan, salah satunya dalam peralihan dakwah Islamiah iaitu dalam bidang tafsir sama ada melalui aplikasi secara langsung atau penyampaian di media sosial seperti Facebook, YouTube, Instagram dan media lain. Oleh yang demikian, perkembangan dalam kaedah pengajaran khususnya yang berkaitan dengan pengajian Tafsir wajar disambut baik agar memupuk generasi milenial yang menganggap bacaan Tafsir sebagai sesuatu yang menakutkan untuk dipelajari kerana cara penyampaian ilmu yang klasik. Oleh itu, perubahan kaedah pengajaran perlu dialu-alukan bagi menarik minat generasi milenial dalam mempelajari agama. (Romdhoni, 2021)

Kepentingan ICT Dalam Pembelajaran Agama

Analisis integrasi dan dampak Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pendidikan Agama Islam (PAI) menjadi fokus utama dalam tulisan ini, menjadikannya aspek penting dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks seminar bertajuk "Laman Web Nuqayah: Aplikasi Dan Keberkesanan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kajian Tafsir Dalam Kalangan Pensyarah Dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, USIM," kajian ini memberikan pandangan teknikal mengenai implementasi ICT dalam pendidikan PAI. Penerapan ICT seperti "Nuqayah" sebagai aplikasi pembelajaran tafsir mencerminkan kemajuan dalam menyokong proses pembelajaran. Terdapat contoh konkrit dalam bentuk penyelidikan kualitatif-deskriptif yang mencakup pembentukan silibus dalam talian, aplikasi seperti "Maktabah Syamilah," laman web pendidikan, dan saluran YouTube dengan konten Islami. Penyelidikan ini menyoroti nilai tambah elemen digital dalam mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih menarik dan dinamis. Dalam konteks seminar yang dimaksud, literatur ini memberikan pandangan bagaimana integrasi teknologi, sebagaimana dicontohkan oleh aplikasi "Nuqayah," mungkin memberi impak positif terhadap pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM (A. Sulaeman, Darodjat, Makhrus, 2020).

Berdasarkan kajian yang bertujuan untuk memahami perancangan, penggunaan, dan cabaran yang berkaitan dengan pengajaran PAI berdasarkan ICT, tinjauan literatur ini menyelidiki dinamika integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pendidikan Islam (PAI). Menggunakan metodologi deskriptif kualitatif dan data yang dikumpulkan melalui pemerhatian, temubual, dan analisis dokumen, kajian ini menekankan keperluan pembangunan profesional berterusan untuk membekalkan pengajar dengan strategi pengajaran yang terkini dan berkesan. Hasil kajian menonjolkan keperluan untuk memberi guru-guru kemahiran yang diperlukan untuk berjaya mengintegrasikan alat ICT dalam bilik darjah, sejajar dengan tren pendidikan yang lebih besar yang menyokong pendekatan pengajaran yang berpusatkan pelajar dan menggunakan teknologi.

Kajian ini juga menjelaskan kesulitan yang dihadapi semasa melaksanakan pengajaran PAI berdasarkan ICT, menekankan kepentingan menangani kesulitan ini—terutamanya dengan latihan tambahan—untuk memastikan integrasi yang berjaya. Berkaitan dengan topik seminar "Laman Web Nuqayah: Aplikasi Dan Keberkesanan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kajian Tafsir Dalam Kalangan Pensyarah Dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Usim," tinjauan literatur ini memberikan maklumat yang memberi panduan tentang perbincangan mengenai teknologi dalam pendidikan. Maklumat ini boleh membimbing perbincangan mengenai cara meningkatkan kajian Tafsir dalam konteks akademik unik di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di USIM (Aulia Syarah Lubis, Nurmawati, Zaini Dahlan, 2023).

Kesan Penggunaan Tafsir Digital Dalam Sesi Pembelajaran

Kehadiran tafsiran dalam talian telah menjadi satu keperluan dan menggalakkan pemeriksa dan penyelidik tafsiran untuk menggunakan data tafsiran besar yang tersebar di internet. Hasilnya, laman web tafsiran menjadi satu bentuk tafsiran dalam talian, iaitu data besar yang boleh digunakan sebagai sumber penyelidikan. Ia menyediakan peluang merentasi pelbagai disiplin, mudah dan menjimatkan, serta meningkatkan populariti tafsiran. (Maulana, 2021).

Tambahan pula, pengajaran Al-Quran dengan pendekatan tafsir tematik, sama ada menggunakan bahan cetak atau media digital, lebih disukai oleh guru-guru Al-Quran kerana ia dianggap menarik dan memberikan solusi kepada masalah kehidupan dengan lebih cepat berbanding dengan pendekatan lain. (Taufiq, 2014).

Menurut kajian daripada Fitriani dan Izzah Faizah Siti Rusydani Khaerani (2022) menjelaskan bahawa pendigitalan tafsir al-Quran melalui laman web adalah salah satu kesan dari kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi, mencerminkan kesedaran dan inovasi para penggiat teknologi terhadap pentingnya perkembangan tafsir al-Quran. Oleh kerana tafsir Al-Qur'an berasaskan laman web, maka memudahkan dan membuatnya lebih praktis untuk mempelajari, mengkaji, dan memahami tafsir ayat-ayat Al-Qur'an tanpa perlu membuka kitab tafsir berjilid-jilid. Beberapa contoh tafsir Al-Quran berasaskan laman web termasuk TafsirQ.com dan Tafsirweb.com.

Laman Web Nuqayah

Pengenalan Terhadap Laman Web Nuqayah (نقاية)

Dengan kemudahan pengajian tafsir al-Quran berbentuk laman web telah memudahkan para pelajar dan pengajar untuk melayari kajian tafsir al-Quran yang bermutu tanpa membuka kitab tafsir (Mubarak & Romdhoni, 2021). Ini kerana seseorang perlu mahir sekurang-kurangnya satu kitab tafsir dalam pencarian sebuah ayat-ayat al Quran. Pada masa yang sama, seseorang itu juga mempunyai sambungan internet dan mempunyai asas dalam memahami bahasa arab bagi memudahkan hasil pencarian tentang sesuatu maklumat. Nuqayah.com merupakan salah satu media yang membawa konsep pendigitalan dalam pengajian tafsir Al-Quran berdasarkan laman web.

Terdapat juga senarai ensiklopedia mengikut bidang-bidang ilmu yang tertentu. Antaranya:

1. Ensiklopedia Tafsir
2. Ensiklopedia Hadis
3. Ensiklopedia Hafazan al-Quran
4. Ensiklopedia Tafsir Interaktif

5. Ensiklopedia Fiqh
6. Ensiklopedia Ilmu Turath
7. Aplikasi Pembacaan Qari al-Quran
8. Aplikasi Mengulangkaji Hafazan al-Quran
9. Aplikasi Pembelajaran Bahasa Arab
10. Perbincangan Ilmu Sainifik



Rajah 1: Halaman Utama Laman Web Nuqayah

Sumber: <https://tafsir.app/>

Untuk mendapatkan maklumat daripada semua ensiklopedia ini dengan mudah, cara yang perlu dilakukan hanyalah perlu menaip perkataan atau kata kunci yang ingin dicari. Selepas menekan butang carian, perbincangan atau perkataan akan muncul mengikut sumber dalam bidang ilmu dan tempat yang menyatakannya.

Ruangan Ensiklopedia Hadis

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, carian tafsir al-Quran boleh didapati daripada tettingkap ensiklopedia tafsir yang disediakan di laman web ini. Para pengunjung hanya perlu menekan pada pautan ini untuk memaparkan ruangan untuk menafsir sesebuah ayat al-Quran. Satu pilihan lain bagi pengguna laman web ini ialah terus kepada alamat URL berikut: <https://tafsir.app/>. Di dalam ruangan ini akan terpapar carian bagi jenis surah, nombor ayat serta cara pemilihan ayat al-Quran yang dikehendaki.



Rajah 2: Ensiklopedia Tafsir Dalam Laman Web Nuqayah

Sumber: <https://tafsir.app/>


Dapatan Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama dalam pengumpulan data kerana alat kajian ini dapat berhubung terus dengan kumpulan sasaran. Kaedah ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar tahun 4 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM pada tahun 2023. Kaedah kuantitatif ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Analisa data ini ialah Bahagian A. Dalam bahagian ini mengandungi 3 soalan mengenai latar belakang responden seperti jantina, jenis pengajian program dan tahap kemahiran dalam memahami kitab tafsir. Kami hanya menumpukan pelajar tahun 4 dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM pada tahun 2023.

Bahagian A: Latar belakang Responden


Jantina
 40 responses



Rajah 3: Taburan Responden Mengikut Jantina

Rajah 3 menunjukkan seramai 40 orang pelajar tahun 4 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah pada tahun 2023 yang majoriti responden pelajar adalah perempuan seramai 25 orang iaitu 62.5% dan 15 orang lelaki iaitu 37.5%.


Program Pengajian
40 responses



Rajah 4: Taburan Responden Mengikut Program Pengajian

Rajah 4 di atas menunjukkan bilangan responden mengikut program pengajian. Terdapat 20 orang atau 50.00% daripada Sarjana Muda Pengajian Quran Dan Sunnah. Seterunya, Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat seramai 8 orang atau 20.00%. Manakala, Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dan Sarjana Muda Pengajian Qiraat masing-masing berkongsi jumlah yang sama iaitu seramai 6 orang atau 15.00%.

Kemahiran Dalam Memahami Kitab Tafsir
40 responses




Rajah 5: Taburan Responden Mengikut Tahap Kemahiran Dalam Memahami Kitab Tafsir

Rajah 5 di atas menunjukkan bilangan pelajar berada pada tahap mahir dalam memahami kitab tafsir iaitu kelompok terbesar seramai 25 orang atau 62.5% berbanding tahap sederhana seramai 10 orang atau 25.00%. Manakala, pada tahap kurang mahir pula seramai 5 orang atau 12.5%.

Analisa Dapatan Keberkesanan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kajian Tafsir Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, USIM.

Analisa data ini ialah Bahagian B. Dalam bahagian ini mengandungi 7 soalan tentang keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, USIM yang merangkumi segala aspek. Bahagian ini berskala Likert 5 iaitu skala 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (kurang pasti), 4 (setuju), 5 (sangat setuju).

Bahagian B: Keberkesanan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kajian Tafsir Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM



Jadual 1: Keberkesanan Dalam PnP Kajian Tafsir

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengenai soalan-soalan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar tahun 4 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM pada tahun 2023.

Hasil kajian menunjukkan item 1 iaitu keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM ialah penggunaan laman web ini, dapat menyelesaikan tugas mereka dengan lebih cepat. Tiada responden yang memilih sangat tidak setuju, tidak setuju dan kurang pasti dengan item 1. Majoriti seramai 40 orang memilih sangat setuju dengan item 1 yang mana mempunyai peratusan sebanyak 100.00%.

Seterusnya, hasil kajian item 2 iaitu keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM ialah penggunaan laman web ini, dapat memperbaiki mutu tugas mereka. Tiada responden yang memilih sangat tidak setuju, tidak setuju dan kurang pasti dengan item 2. Majoriti seramai 40 orang memilih sangat setuju dengan item 2 yang mana mempunyai peratusan sebanyak 100.00%.

Selain itu, hasil kajian item 3 iaitu keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM ialah penggunaan laman web ini, dapat meningkatkan produktiviti mereka. Tiada responden yang memilih sangat tidak setuju, tidak setuju dan kurang pasti dengan item 3. Seramai 8 orang telah memilih setuju

dan 32 orang memilih sangat setuju dengan item 3 yang mana masing-masing mempunyai peratusan sebanyak 20.00% dan 80.00%.

Di samping itu, hasil kajian item 4 iaitu keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM ialah penggunaan laman web ini, dapat meningkatkan keberkesanan dalam melakukan tugas juga dapat ditingkatkan. Tiada responden yang memilih sangat tidak setuju, tidak setuju dan kurang pasti dengan item 4. Seramai 6 orang telah memilih setuju dan 34 orang memilih sangat setuju dengan item 4 yang mana masing-masing mempunyai peratusan sebanyak 15.00% dan 85.00%.

Hasil kajian menunjukkan item 5 iaitu keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM ialah penggunaan laman web ini memudahkan mereka mendapat hasil yang diinginkan. Tiada responden yang memilih sangat tidak setuju, tidak setuju dan kurang pasti dengan item 5. Majoriti seramai 40 orang memilih sangat setuju dengan item 5 yang mana mempunyai peratusan sebanyak 100.00%.

Hasil kajian menunjukkan item 6 iaitu keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM ialah berinteraksi dengan laman web ini adalah bersifat jelas dan mudah difahami. Tiada responden yang memilih sangat tidak setuju, tidak setuju dan kurang pasti dengan item 6. Majoriti seramai 40 orang memilih sangat setuju dengan item 6 yang mana mempunyai peratusan sebanyak 100.00%.

Akhir sekali, hasil kajian item 7 iaitu keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian tafsir dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM ialah laman web ini adalah fleksibel semasa digunakan. Tiada responden yang memilih sangat tidak setuju, tidak setuju dan kurang pasti dengan item 7. Seramai 9 orang telah memilih setuju dan 31 orang memilih sangat setuju dengan item 7 yang mana masing-masing mempunyai peratusan sebanyak 22.50% dan 77.50%.

Kajian Kelebihan Dan Penambahbaikan

Kelebihan Penggunaan Laman Web Nuqayah

Walaupun laman web ini baru diperkenalkan oleh para pelajar telah memberi kesan positif dari sebahagian pelajar yang mendapati laman web ini mudah untuk difahami dan dipelajari. Mereka berjaya mengendali laman web ini secara asas tanpa melihat panduan. Hal ini kerana, arahan laman web ini mudah, jelas dan tidak terlalu kompleks semasa penggunaannya.

Selain itu, penggunaan laman web ini dalam mentafsir ayat al-Quran adalah bersifat fleksibel. Hal ini kerana mereka boleh menyiapkan tugas yang diberikan dengan lebih cepat tanpa kekangan ruang dan waktu yang sempit. Jelas ini memberi kesan yang positif dalam memperbaiki mutu tugas yang diberikan dalam sesi pembelajaran.

Responden juga turut menyatakan bahawa laman web ini dapat meningkatkan keberkesanan mereka terhadap tugas yang diberikan. Ini kerana responden berasa mudah mendapatkan hasil yang diinginkan dengan terdapat pelbagai rujukan kitab-kitab tafsir tanpa perlu ke perpustakaan. Ini sekaligus dapat memaksimumkan masa pelajar dalam menyelesaikan sesuatu tugas berkaitan.

Penambahbaikan Penggunaan Laman Web Nuqayah

Setiap aplikasi dan laman web mempunyai kekurangan yang tersendiri. Namun kebergantungan laman web ini adalah secara atas talian dan tiada mempunyai akses mod berbentuk luar talian. Contohnya, tidak semua kawasan dapat meliputi capaian internet yang baik lagi-lagi di kawasan pendalaman. Hal ini yang demikian, responden terpaksa mengakses laman web atau aplikasi lain bertujuan mendapatkan maklumat terperinci tentang sesebuah maklumat yang dikehendaki.

Di samping itu, terdapat juga sebarang gangguan terhadap capaian internet dan pelayar (server). Hal ini mengikut keadaan, jika prestasi serve menurun maka hal ini akan menjejaskan capaian terhadap laman web ini serta membantutkan penggunaan khidmat laman web ini dan begitu sebaliknya. Selain itu, keterbatasan bahasa juga turut memberi kesan kepada penggunaan laman web ini. Hal ini disebabkan laman web ini hanya boleh diakses dengan hanya menggunakan bahasa Arab dan tiada kemudahan selain bahasa arab juga tidak diperluaskan. Kesannya, menyukarkan pelajar dan pengajar dalam memahami sebuah kalimah yang kurang difahami.

Isu dan Cabaran Keberhasilan Dan Pemahaman Laman Web Nuqayah Terhadap Ilmu Tafsir

Keberhasilan laman web Nuqayah sebagai platform pembelajaran tafsir menimbulkan beberapa isu yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan keberkesanannya. Salah satu isu utama ialah kebolehcapaian dan kesesuaian bahan yang dibentangkan melalui laman web ini. Pelajar mungkin menghadapi cabaran dalam memahami bahasa atau istilah yang kompleks. Penyelesaian kepada isu ini ialah dengan menyediakan terjemahan atau penjelasan yang lebih mudah difahami agar kefahaman tentang ilmu tafsir dapat dipertingkatkan.

Menurut Hilmi (2014) terjemahan Al-Quran sangat penting kerana dua sebab. Pertama, menyampaikan risalah Islam kepada mereka yang bukan Islam dan mengajak mereka merenungkan ajaran Al-Quran. Kedua, bertujuan untuk menjelaskan petunjuk yang diturunkan dan kehendak Allah SWT kepada umat Islam yang berkomunikasi dalam bahasa selain bahasa Arab. Tanpa terjemahan al-Quran, sukar untuk merangka cara penyampaian dakwah yang berkesan, baik kepada orang Islam mahupun bukan Islam, lebih-lebih lagi golongan yang mempunyai kepakaran dalam bahasa asal al-Quran adalah golongan minoriti. hari ini. (Shaikh, 1999)

Selain itu, penggunaan teknologi di laman web Nuqayah juga boleh menjadi cabaran terutama kepada pelajar atau pensyarah yang tidak mahir dengan teknologi. Menurut Othman (2008) penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa berpotensi mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru dan penguasaan bahasa yang dikuasai oleh pelajar. Kesukaran untuk mengakses dan menggunakan laman web mungkin dapat diatasi melalui penyediaan program latihan dan bimbingan untuk meningkatkan literasi digital dalam kalangan pengguna.

Keberkesanan laman web Nuqayah dipengaruhi oleh penyediaan sumber tafsiran yang berkualiti. Pemantauan dan pengemaskinian berkala terhadap sumber-sumber ini perlu dijalankan untuk meningkatkan kualiti dan kepelbagaian. Seajar dengan itu, responsif kepada pengguna juga penting seperti tidak membalas komen atau maklum balas pengguna boleh merosakkan pengalaman pengguna. Pengurusan perlu berinteraksi secara aktif dengan pengguna untuk meningkatkan kualiti halaman web. Dengan menangani isu-isu tersebut, laman web Nuqayah boleh mencapai tahap kejayaan yang lebih tinggi dalam meluaskan pengajian ilmu tafsir kepada para pelajar dan pengajar di luar sana.

Perbandingan pembelajaran ilmu tafsir melalui teknologi dan berkitab.

Pembelajaran Ilmu Tafsir melalui teknologi membawa impak positif dan melibatkan isu-isu tertentu yang perlu diambil kira. Kelebihannya terletak pada akses segera kepada pelbagai sumber kitab tafsir daripada pelbagai aliran pemikiran, membolehkan pelajar memperoleh maklumat dengan mudah. Walau bagaimanapun, cabaran yang timbul ialah risiko menggunakan sumber yang tidak sahih atau tidak diketahui, yang memerlukan kritikan dan semakan terhadap sumber-sumber luar tersebut.

Seterusnya, Husein (2021) berpandangan bahawa pembelajaran kolaboratif melalui teknologi memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi pandangan dan pemahaman dalam talian. Walau bagaimanapun, terdapat risiko atau kekurangan penyeliaan dalam persekitaran pembelajaran maya, yang perlu ditangani melalui strategi pemantauan dan bimbingan yang lebih ketat. Di samping itu, satu lagi kelebihan yang diperolehi melalui teknologi ialah terhadap fleksibiliti pembelajaran dalam penerimaan ilmu tanpa had masa dan tempat. Namun, cabaran yang timbul ialah keperluan disiplin diri pelajar itu sendiri bagi memastikan pemahaman dan mengaplikasi ilmu yang telah dipelajari.

Sebaliknya, mempelajari ilmu tafsir melalui bahan kitab ilmiah secara tradisinya memupuk kelebihan pelajar dalam menguasai satu buku secara mendalam. Walau bagaimanapun, keterbatasan kepada sumber tafsiran yang lebih luas menjadi satu cabaran untuk mendapatkan maklumat tambahan. Pada masa yang sama, limitasi dalam pembacaan bahan kitab-kitab ilmiah boleh dianggap sebagai kelebihan dalam untuk pembelajaran yang berbentuk santai dan hanya berpaksikan pembacaan semata. Sebaliknya, cabaran timbul dek kekurangan elemen kompetitif yang mana mampu memeriahkan proses pembelajaran. Di samping itu, maklum balas yang terhad dalam diri pelajar itu sendiri merupakan respon positif dalam sesi pembelajaran, namun kesan tersebut akan memberi kesukaran kepada pengajar dalam menilai pemahaman pelajar secara langsung. Sejajar dengan itu, perluasan pendekatan penilaian mungkin diperlukan untuk memastikan pemahaman yang lebih jitu dan kesan pembelajaran yang lebih baik.

Kesimpulan

Kesimpulannya, perkembangan pengajian tafsir di negara ini semakin pesat dengan kehadiran pembangunan laman web dan aplikasi yang semakin banyak di luar sana. Impak ini jelas menunjukkan bahawa pembelajaran agama khususnya bidang tafsir ini semakin mudah untuk dilayari dan dipelajari di setiap pelosok ruang dan waktu bagi memudahkan penyebaran dakwah Islam ini terus berkembang mengikut peredaran zaman berzaman.

Namun hakikatnya, perkembangan teknologi perlu kita akui terhadap kelemahannya yang tersendiri jika sebahagian pihak hanya memandang enteng akan keterjaminan keselamatan dari segi maklumat dan disiplin ilmu. Oleh itu, penubuhan sebuah intitusi yang berautoriti dan bertanggungjawab dalam memantau segala isu dan perkembangan yang berlaku dalam bidang tafsir perlu dikuatkuasakan di peringkat negara-negara Islam.

Menurut Hasan (2015) kehadiran penguatkuasaan ini, mampu memberi panduan dan pandangan secara inklusif terhadap perisian aplikasi atau laman web atau apa sahaja bahan yang berkaitan Sunnah Rasulullah SAW. Sebagai contoh, kewujudan Unit Kawalan Quran di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab memelihara kesucian Quran dalam apa bentuk terbitan atau bahan. Kesannya, kehadiran penguatkuasa ini mampu mengelakkan sebarang bentuk penyelewengan atau kesan kesilapan teknikal semasa proses pembangunan

sesuatu laman web berjalan yang mana akan memberi natijah negatif dalam diri masyarakat pada masa akan datang lebih lagi dalam bidang pendidikan.

Rujukan

- Abdullah, H. H. (2019). Innovation in Qur'an Learning Through Websites: A Study on Bayyinah. com. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 1-12.
- Firdaus, M. Y. (2023). Digitalisasi Khazanah Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir di Era Digital. *Reslaj: Religion Education Social Laa Roiba Journal*, 5(6), 2710-2716.
- Fitriana, M. A., & Ariyadi, S. (2022). Tafsir Era Digital (Studi Analisis Portal Tafsiralquran. id).
- Fitriani, F., & Khaerani, I. F. S. R. (2021, April). Digitizing Website-Based Qur'anic Tafseer. In *Gunung Djati Conference Series* (Vol. 4, pp. 188-201).
- Hasan, S. N. S. (2015). Laman web al-Durar al-Saniyyah: Aplikasi dan Keberkesanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Hadis dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, USIM. *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 10(11).
- Husein, A. (2020). Al-Qur'an Di Era Gadget: Studi Deskriptif Aplikasi Qur'an Kemenag. *Jurnal Studi Al-Qur'an*, 16(1), 55-68.
- Hilmi, A. B. A., Amir, S., Yakub, M., Yusoff, Z. M., & Ibrahim, A. F. (2014). Terjemahan Al-Qur'an Bahasa Melayu Penilaian Berasaskan Tafsir 'Ilmi. *Jurnal Usuluddin*, 39, 111-134.
- Khairati, S. N. *penggunaan tafsir digital pada mahasiswa ilmu al-qur'an dan tafsir (studi kasus pada mahasiswa IAT 2017)* (Bachelor's thesis, FU).
- Lubis, A. S., Nurmawati, N., & Dahlan, Z. (2023). Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Berbasis Information and Communication Technology (ICT). *Munaddhomah: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 4(2), 495-504.
- Maulana, H. (2021). Onlinization Tafsir: Studi Alquran di Era Disrupsi. *JIQTA: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 73-104.
- Mubarok, M. F., & Romdhoni, M. F. (2021). Digitalisasi Al-Qur'an dan Tafsir Media Sosial di Indonesia. *Jurnal Iman Dan Spiritualitas*, 1(1), 110-114.
- Othman, Y., & Baki, R. (2008). Aplikasi komputer dalam pengajaran bahasa: Penguasaan guru dan kekangan dalam pelaksanaan. In *Kertas kerja dikemukakan untuk 1st International Malaysian Educational Technology Convention*.
- Taufiq, H. N. (2011). Pembelajaran Al-qur'an Melalui Pendekatan Metode Tafsir Tematik Bagi Guru Tpq Di Kota Malang. *Progresiva*, 5(1), 220739.
- Shaikh, K. M. (1999). *A Study of the Qur'an & Its Teachings*. IQRA International Educational Foun.
- Sulaeman, A., Darodjat, D., & Makhrus, M. (2020). Information and Communication Technology dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *Islamadina: Jurnal Pemikiran Islam*, 81-95.